

Eksport ke Ukraine,

UM 17 JU 2003

Daripada SIRAJUDDIN RAFIA

YALTA, UKRAINE 16 Julai — Malaysia akan memperhebatkan eksport ke Ukraine dan negara-negara sekitarnya di Eropah Timur kerana ia mempunyai potensi besar setelah negara-negara tersebut kini mengamalkan pasaran terbuka dan menerima matawang antarabangsa.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian hari ini telah mengenal pasti beberapa produk Malaysia seperti alat-alat elektrik dan elektronik, alat-alat kegunaan kediaman, mesin dan jentera, besi dan bahan-bahan binaan sebagai antara eksport utama yang akan dimasukkan ke dalam program memperluaskan pasaran negara di Eropah Timur itu, selain minyak sawit.

Menurut beliau, sebagai langkah permulaan Malaysia telahpun membuka saluran pasaran minyak sawit ke negara ini sebagai komoditi utama berikutan penubuhan sebuah Pusat Perdagangan Malaysia dan Kemudahan Simpanan Minyak Sawit terbesar di Pelabuhan Odessa semalam yang bakal dijadikan pintu masuk utama barangan Malaysia untuk pendedaran ke negara-negara sekitar rantau ini.

Perdana Menteri berkata demikian dalam satu sidang media untuk para wartawan Malaysia di akhbar kunjungannya empat harinya di bandar raya peranginan yang terletak di selatan Ukraine di pinggir Laut Hitam ini.

Beliau berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas meninjau ke markas laut Ukraine dan mengadakan pertemuan dengan para pelajar Malaysia di sini petang ini.

Mengenai hasil lawatannya itu, Dr. Mahathir berkata, lawatan tersebut cukup bermakna kerana Malaysia menyedari Ukraine mempunyai potensi besar sebagai rakan perdagangan kerana lokasinya dekat dengan Laut Hitam dan mempunyai pelabuhan yang besar.

"Kita boleh gunakan pelabuhan ini untuk eksport barang-barang keluaran negara kita seperti minyak sawit dan lain-lain untuk dihantar dan diedarkan ke negara-negara yang berdekatan," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, Ukraine mempunyai kemahiran dan teknologi yang tinggi dalam industri pembinaan kapal, kapal terbang dan juga alat-alatan pertahanan.

"Jadi kita datang untuk mengenali dengan lebih dekat lagi potensi perdagangan kita," kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu, negara-negara rantau sebelah sini mempunyai keutamaan terhadap industri pertahanan kerana mereka sering diserang musuh.

Eropah Timur diperhebat

Walaupun mereka tidak cekap dalam industri lain seperti barang-barang keperluan pengguna dan sebagainya tetapi dalam industri senjata dan pertahanan mereka begitu maju sekali.

"Kita boleh belajar daripada mereka dan timbang untuk guna alat-alat mereka," kata beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, ini bukanlah bermakna Malaysia kini mengalihkan pandangan dengan memberikan tumpuan dan keutamaan kepada negara-negara dalam blok Eropah Timur.

Itu tidak benar sama sekali. Kita buat hubungan dengan semua negara di dunia," tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia sentiasa mencari peluang-peluang pasaran.

"Dulu kita tidak pernah memasuki pasaran di rantau ini sebab mereka mengamalkan pasaran tertutup dan tidak mempunyai mata wang asing untuk berdagang.

"Tetapi sekarang mereka sudah buka, mengamalkan sistem pasaran terbuka dan menerima matawang antarabangsa. Mereka kini sedia membeli barang-barang dari luar. Jadi kita harus mengambil peluang ini.

"Jadi tidak timbul sama ada kita berat ke Timur atau ke Barat," katanya.

Mengenai pendidikan, Perdana Menteri berkata,

beliau kagum dengan kesanggupan rakyat Malaysia pergi ke mana sahaja untuk bemiaga atau mencari ilmu.

Sehinggakan, katanya, ramai juga pelajar Malaysia sanggup datang melanjutkan pelajaran ke sini walaupun "sejuk yang bukan-bukan."

"Cumanya, kebanyakan pelajar yang datang ke sini adalah atas perbelanjaan dan tanggungan sendiri. Mereka berbuat demikian tanpa mengira sama ada kelulusan mereka diterima atau tidak. Biasanya, selepas itu barulah mereka mendesak, termasuklah menggunakan saluran politik supaya kerajaan menerimanya.

"Tetapi itu adalah risiko yang mereka terpaksa hadapi. Mereka sanggup ambil tanggungan itu, mereka kenalah ambil risikonya. Bagaimanapun, kerajaan akan mengkajinya, sebab itu Menteri Pendidikan datang bersama untuk membuat penilaian tentang kemudahan dan mutu pelajaran yang ada," katanya.

Mengenai soal bahasa, Perdana Menteri berkata, sekiranya kerajaan membuat keputusan menghantar para pelajar ke sini nanti, sekolah bahasa Rusia akan diadakan di Kuala Lumpur nanti.

"Tetapi untuk menuntun ilmu kita kena tahu bahasanya," kata beliau. — Utusan